

Kerajaan Jamin Majukan Labuan Seiring Pembangunan Negara - Muhyiddin Bernama
30 Oktober, 2012

LABUAN, 30 Okt (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin memberi jaminan kerajaan akan terus mengukuhkan tekad dan daya usaha bagi meningkatkan kemajuan, kemakmuran dan kesejahteraan di Wilayah Persekutuan Labuan sebagai sebuah wilayah yang pesat seiring tahap pembangunan negara.

Beliau berkata suasana dan pencapaian negara yang mengecapi keamanan dan kesejahteraan, terutama telah menerima pengiktirafan sebagai negara yang paling selamat di dunia, seharusnya menjadi kebanggaan seluruh rakyat termasuk Wilayah Persekutuan Labuan.

"Sebagai pemimpin kerajaan, saya mahu melihat Labuan terus maju kerana Malaysia sudah melalui proses kemajuan yang pesat... dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia sudah mara dengan pantas dan cipta banyak kemajuan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis mesra rakyat yang dihadiri kira-kira 10,000 orang terdiri pelbagai lapisan masyarakat di Dewan Arena Perumahan Kakitangan Awam Bukit Kuda sempena lawatan kerja sehari ke Wilayah Persekutuan Labuan.

Turut hadir isteri Muhyiddin, Puan Sri Norainee Abdul Rahman, Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar Datuk Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin dan anggota Parlimen Labuan Datuk Yusuf Mahal.

Muhyiddin percaya dengan keamanan yang dikecapi oleh seluruh rakyat termasuk di Labuan, kerajaan mampu mencapai sasaran berada di kedudukan ke-10 terbaik ekonomi paling berdaya saing selepas Laporan Menjalankan Perniagaan Edisi 2013 Bank Dunia meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-12 daripada 185 negara.

"Malaysia (mensasarkan) memperoleh kedudukan ke-10 terbaik di dunia (tahun depan) dan baru-baru ini ada (pihak) kata Malaysia adalah negara catat banyak kemajuan tidak terduga baik dalam industri pembuatan, pelancongan, minyak dan gas," katanya.

Beliau berkata untuk menggapai pencapaian itu, penglibatan dan penyertaan aktif semua peringkat rakyat adalah intipati penting yang mampu melonjak pencapaian kemajuan dan menjayakan usaha-usaha pembangunan termasuk Labuan yang mempunyai potensi yang besar terutama dalam sektor minyak dan gas.

Katanya, Labuan mempunyai potensi mencapai tahap kemajuan lebih pesat berdasarkan rekod pencapaian keluaran dalam negeri kasar (KDNK) tertinggi di seluruh negara pada tahun lepas disertai pendapatan berkapita kedua tertinggi selepas Sarawak.

Sehubungan itu, beliau menyeru semua pihak termasuk Institut Latihan Perindustrian (ILP) bekerjasama dengan mereka yang terlibat dalam sektor minyak dan gas untuk membangunkan industri itu terutama melahirkan anak-anak muda yang pakar dalam industri itu.

"...sebagai tuntutan industri kita mahu melihat pakar dan tenaga (kerja) mahir dari kalangan orang-orang Labuan untuk menjadi 'orang minyak', tauke minyak dan tenaga minyak serta meningkatkan Labuan sebagai hab minyak dan gas," katanya.

Dalam pada itu, Muhyiddin yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan berkata kerajaan persekutuan yang diterajui Barisan Nasional (BN) akan terus berusaha gigih merancang dan melaksanakan pelbagai program yang menumpukan kepada pembangunan bagi manfaat rakyat.

Beliau percaya rakyat Labuan seharusnya lebih bijak untuk menilai kerajaan yang berdaya memerintah negara berbanding pembangkang yang tidak membuktikan kejayaan memaju negeri di bawah pentadbiran mereka, sebaliknya hanya berjanji bulan dan bintang dalam kempen pilihan raya umum mereka di seluruh negara.

Beliau turut mengingatkan rakyat Labuan khususnya agar sentiasa mengamalkan sikap bersyukur dalam menikmati keamanan yang dikecapi sepertimana tuntutan agama, jika dibandingkan negara-negara bergolak yang lain.

Muhyiddin seterusnya mengajak rakyat di wilayah ini agar terus memberi sokongan padu kepada kerajaan BN pada pilihan raya umum yang akan diadakan pada bila-bila masa.

"...rakyat harus memberi sokongan kepada BN pada pilihan raya umum kerana parti lain tidak mampu menyelesaikan masalah rakyat dan sokong BN bagi menentukan Labuan dan seluruh wilayahnya terus mencapai tahap pembangunan yang pesat," katanya.

Pada majlis itu, Muhyiddin turut menyampaikan sumbangan Yayasan Persatuan Pengimport dan Peniaga Kenderaan Melayu Malaysia (PEKEMA) kepada sekolah dan pelajar cemerlang dan kunci van jenazah kepada Masjid Al-Ehsan Kampung Sungai Labu.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=705580>